



مجلس بنداران لڠكاوي بنداراية قىلچو عنان  
**MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI  
BANDARAYA PELANCONGAN**

KUAH, 07000 LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT NO.: MY-QMS 01909



Ruj.Kami:( 74 )dlm.MPBP.

PEN.9/2013,Jld 9

Tarikh : 31 Mac 2022

29 Syaaban 1443H

### JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Rakyat Negeri Kedah Darul Aman, Warganegara Malaysia yang berkelayakan serta berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup permohonan untuk mengisi jawatan seperti berikut :-

#### A. JAWATAN

1. PEKERJA SAMBILAN  
HARIAN (PSH)

#### JADUAL GAJI

- |                 |
|-----------------|
| GAJI HARIAN     |
| RM 54.00 sehari |

#### B. SYARAT-SYARAT LANTIKAN

- a. Memiliki kelayakan di Peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
- b. Calon yang lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu (sekurang-kurangnya Gred C ) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- c. PSH hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia.
- d. PSH tidak termasuk dalam kategori pegawai awam seperti yang ditetapkan dalam Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 atau peraturan-peraturan lain yang berkuat kuasa;
- e. Tempoh perkhidmatan PSH tidak melebihi tiga (3) bulan. Walaubagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan perkhidmatan, tempoh berkenaan boleh dilanjutkan oleh Ketua Jabatan sehingga maksimum tiga (3) bulan lagi;
- f. Calon yang dipilih hendaklah diperakui sihat oleh Ketua Jabatan (tidak memerlukan pengesahan oleh pengawal perubatan berdaftar);

..2/..

- g. Waktu bekerja PSH adalah selama Sembilan (9) jam sehari termasuk waktu rehat.
- h. PSH tidak layak dibayar upah bagi cuti mingguan, cuti kelepasan am dan hari yang PSH tidak hadir bertugas;
- i. PSH tidak layak dibayar Elaun Lebih Masa;
- j. PSH adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa yang dipanjangkan oleh kerajaan kepada mereka atau arahan pentadbiran lain yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan;
- k. PSH tidak layak menerima faedah persaraan seperti yang ditetapkan dalam undang-undang pencegahan yang berkuat kuasa;
- l. Pengambilan PSH bukan suatu jaminan untuk diserap sebagai pegawai lantikan tetap. Sebaliknya, PSH yang memenuhi syarat yang ditetapkan dalam mana-mana skim perkhidmatan hendaklah memohon kepada Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan melalui proses pengambilan biasa; dan
- m. Ketua Jabatan hendaklah menamatkan perkhidmatan seseorang PSH apabila perkhidmatan tidak lagi diperlukan walaupun tempoh perkhidmatan PSH berkenaan masih belum tamat.

**C. KLASIFIKASI PERKHIDMATAN :** Membantu dan melaksanakan tugas-tugas di Bahagian Teknologi Maklumat

**D. TARAF JAWATAN : PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)**

**E. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN**

Calon-calon yang dilantik adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

**F. CARA MEMOHON**

- i) Borang permohonan boleh didapati dengan mengambil sendiri di Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan, 07000 Kuah, Langkawi, Kedah Darul Aman atau melayari laman web Majlis – <https://pbt.kedah.gov.my/index.php/peluang-kerja-mplbp/>
- ii) Borang yang telah lengkap diisi berserta salinan kad pengenalan, sijil kelahiran dan sijil-sijil kelulusan yang diperakui sah sebagai salinan sebenar, Pemohon hendaklah menulis nama jawatan yang dipohon disudut atas sebelah kiri sampul surat dan dialamatkan kepada :-

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI  
BANDARAYA PELANCONGAN  
07000 KUAH, LANGKAWI  
KEDAH DARUL AMAN**


Pada atau sebelum **14 APR 2022**

- iii) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- iv) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan dalam tempoh enam (6) bulan selepas dari iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“KEDAH SEJAHTERA-NIKMAT UNTUK SEMUA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**( HAMIZIE BIN IBRAHIM., BCK )**

Setiausaha

b.p Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Langkawi  
Bandaraya Pelancongan

Kedah Darul Aman.

*JKP/ANS/ZM/Sb- Iklan Jawatan(PSH)*